

Perkasa daya tahan institusi kerajaan pasca COVID-19

Memperkuh dan mempromosikan kedayatahan institusi ialah kunci untuk memastikan kedayatahan negara terutama ketika menyesuaikan norma baharu dan mempersiagakan diri berdepan dunia pasca COVID-19.

Kedayatahan institusi didefinisikan kemampuan dan kebolehan seluruh kerajaan menyesuaikan diri dengan keperluan semasa dan gangguan tidak terjangka serta mempertahankan proses transformasi serata spektrum.

Ini membabitkan penjagaan kesihatan awam, pengurusan bencana, kerjasama Persekutuan-negeri, keberkesanan fiskal dan sistem penyampaian awam.

Kedayatahan institusi berkait rapat proses pengurusan membuat keputusan cepat dalam keadaan terkejut dan kejutan serta mengguna pakai kaedah baharu pelaksanaan polisi.

Kerajaan menonjolkan iltizam politik dan hala tuju dasar untuk memastikan institusi kita terus memperkasa kedayatahan. Kita melihat ini dalam dua bidang utama, iaitu digitalisasi dan improvisasi.

Kerajaan tidak sepatutnya sentiasa berpuas hati, tetapi terus menggerakkan konfigurasi institusi dan polisi, terutama ketika fasa pemulihan nasional ke-5 dan ke-6, iaitu Merangsang dan Membaharui.

Pertama, kerajaan perlu meneruskan usaha memacu transformasi digital. Unit Pelaksanaan Dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) dibentuk Kementerian Kewangan (MOF) antara contoh terkemuka.

LAKSANA memantau pelaksanaan semua pakej rangsangan ekonomi melalui digital papan pemuka mengabungkan 53 Kementerian dan agensi dalam pangkalan data berpusat dan masa nyata.

Contoh lain, inisiatif di bawah bidang Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAM-PU). Ia agensi kerajaan terunggul ditugaskan memantau usaha pelaksanaan mendigitalisasikan penyampaian perkhidmatan di sektor awam.

Menurut MAMPU, akhir 2020, kerajaan merancang menjadikan 40 peratus perkhidmatan awamnya sebagai *end-to-end* serta menyediakan empat kelompok layanan.

Ini bermaksud keseluruhan proses penyampaian perkhidmatan kerajaan dari awal hingga akhir, tanpa perantara fizikal.

Situasi ini dijelmakan Portal MyGovernment, iaitu Gerbang Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan dilancarkan pada 2017 untuk berfungsi sebagai 'pin-tu masuk tunggal ke semua perkhidmatan dalam talian kerajaan' berkisar keperluan kitaran hidup warga negara.

Inisiatif dasar lain termasuk Pelan Tindakan Transformasi Kerajaan Digital (2017-2018).

Kerajaan digital tidak hanya mendo-



Malaysia akan menuju ke arah kerajaan digital yang menggabungkan bisnes dan teknologi untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan bertumpukan rakyat.

Kerajaan tidak sepatutnya sentiasa berpuas hati, tetapi terus menggerakkan konfigurasi institusi dan polisi, terutama ketika fasa pemulihan nasional ke-5 dan ke-6, iaitu Merangsang dan Membaharui.

rong perkhidmatan penyampaian lebih inklusif dan bersepadu. Sekiranya berlaku krisis seperti COVID-19 atau lebih buruk lagi, penyampaian perkhidmatan kerajaan berkontak rendah dan penjarakan fizikal ini akan memastikan kesinambungan berkesan – hingga dapat mengurangkan potensi kerosakan, gangguan atau penangguhan sementara.

Dalam hal ini, Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII) diwujudkan di bawah Dasar Keselamatan Siber Nasional (NCSP) dan dikendalikan Agensi Keselamatan Siber Nasional (NACSA) – memainkan peranan penting dalam menguruskan portal maklumat mengenai masalah keselamatan siber dapat dikongsikan.

Kerajaan digital juga perlu lebih berpacuan data. Di bawah Pelan Strategik ICT Sektor Awam (2016-2020), inisiatif Data Terbuka Sektor Awam diperkenalkan melalui pengembangan dan pelaksanaan platform dalam talian kerajaan – data.gov.my.

Ini menguatkan dan meningkatkan hubungan kerajaan-rakyat yang seterusnya memberi maklum balas ke dalam lingkaran 'seluruh masyarakat'

dan proses berlandaskan digitalisasi.

Secara amnya, pendemokrasian dan pengagihan data paling sesuai digambarkan dalam teknologi lebar diedarkan (DLT).

Dalam hal ehwal dan proses pentadbiran, kesedaran blok rantai kini kian meningkat dengan pengenalan platform TradeLens oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) baru-baru ini yang seterusnya akan meningkatkan penggunaan sistem pengesanan e-sijil tempas.

Penggunaan blok rantai ini bukan hanya akan meningkatkan peranan dan fungsi keseluruhan JKDM, tetapi juga memudahkan transaksi import-eksport pihak berkepentingan swasta (perkapalan/logistik, pedagang).

Secara khusus, platform TradeLens direkabentuk bersama AP Moller-Maersk dengan IBM dan berdasarkan konsep Collaboration Application Programming Interface.

Ia memastikan semua aktiviti logistik seperti pengangkutan, pergudangan, penghantaran dan penghantaran barang pada peringkat domestik dan antarabangsa kini boleh disatukan sepenuhnya.

Kedua, kita perlu terus berimprovisasi kerana itu bererti kemampuan menyesuaikan diri, kelincuhan dan fleksibiliti – untuk memenuhi keperluan semasa, termasuk situasi tidak dijangka.

Oleh itu, berimprovisasi bermaksud melepaskan diri daripada pemikiran kelompok dan kepatuhan jumud terhadap matlamat dan lintasan dasar yang sudah ada dan cara lama untuk melakukannya sesuatu.

Ini bermaksud institusi kerajaan harus selalu bersiap siaga untuk pendekatan 'gabungan' yang beroperasi di bawah naungan pasukan khas (*task force*) pelbagai Kementerian, misalnya.

Sebenarnya, kita sudah mempunyai ciri berkenaan dengan kewujudan menteri kanan bertanggungjawab bagi kelompok masing-masing berlatarbel-

akang krisis COVID-19.

Sudah tentu, kita mengikuti contoh Singapura dalam perkara ini – dengan menteri kanannya juga bertindak serentak sebagai menteri penyelaras.

Kementerian, jabatan dan agensi kita di samping badan berkanun serta syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) terkemuka harus dapat menyelaraskan dan menyetujui usaha mereka ke arah satu matlamat dasar yang juga merangkumi beberapa objektif sub-polisi.

Contoh baik adalah dalam konteks strategi makroekonomi berorientasikan misi terhadap penciptaan pekerjaan sebagai 'titik tumpuan dan pertindihan'.

Oleh itu, mengalahkan COVID-19 dan pemulihan memerlukan usaha pelbagai Kementerian yang setiap institusi memainkan peranannya, sesuai dengan pencapaian objektif lebih besar.

Bagaimanapun, kita memerlukan lebih daripada sekadar penyusunan semula institusi untuk memastikan kelangsungan improvisasi.

Kita perlu memastikan penyelarasan dan integrasi mandat dan fungsi dasar lebih erat serta lebih baik seperti antara dasar fiskal dan monetari di bawah Perbendaharaan dan Bank Negara.

Secara kritikalnya, koordinasi antara dasar fiskal dan monetari akan membantu memastikan serta mempromosikan kelestarian hutang negara kita.

Akhir sekali, konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) seperti digariskan di bawah Kertas Putih Pertahanan (DWP 2019) harus dipertingkatkan lagi – untuk mengarahkan dan menggunakan semua sumber daya negara secara lebih sistematik dan bersepadu.

Penulis adalah Ketua Bahagian Sosial, Perundangan dan Hak Asasi di EMIR Research



Jason Loh